



Dasar Sukan Negara

NATIONAL SPORTS POLICY

(KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA)



Kandungan / Contents

Kata-kata Aluan
Fore'ward

Dasar Sukan Negara
National Sports Policy

A. Rasional	1
<i>A. Rationa l</i>	<i>2'</i>
B.. Latarbelakang	17
<i>B. BackgrQund</i>	8
C. Objektif	9
<i>C. Objectif</i>	10
D. Strategi dan Pelaksanaan	9
<i>D. Strategy arul Implementation</i>	10

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA

Di terbitkan oleh: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

(Digubal pada 20hb. Januari 1988)



MENTERI BELIA DAN SUKAN MALAYSIA
MINISTER OF YOUTH AND SPORTS MALAYSIA



KATA-KATA ALUAN
FOREWARD

Sebagai satu usaha dan pengiktirafan kerajaan terhadap kemajuan sukan negara, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia telah melahirkan **DASAR SUKAN NEGARA**, satu dokumen yang komprehensif ke arah perkembangan dan pembangunan sukan Malaysia. Dasar ini juga mencerminkan kesungguhan pihak kerajaan untuk memberi semangat dan ransangan baru kepada setiap aktiviti sebagai usaha melahirkan ahli sukan yang berprestasi tinggi.

Pengubalan **DASAR SUKAN NEGARA** ini merupakan suatu usaha bersama yang melibatkan semua agensi kerajaan dan bukan kerajaan, pertubuhan-pertubuhan sukan, rekreasi dan kecergasan, majlis-majlis sukan, institusi-institusi pengajian tinggi, badan-badan sukarela serta orang perseorangan yang mempunyai kepakaran dan kepentingan dalam bidang sukan.

Dalam menggariskan panduan-panduan dan cadangan-cadangan, dasar ini telah mengambilkira serta mempertimbangkan tahap dan prestasi sukan negara masa lalu. Ini bagi memastikan sukan negara membangun secara lebih sistematik menerusi pentadbiran dan pengurusan yang lebih cekap, dinamis serta berkesan.

Adalah menjadi hasrat kerajaan pada era ini untuk merealisasikan hasrat mewujudkan masyarakat Malaysia yang sihat, cergas dan berdisiplin. Ini seiring dengan harapan kerajaan untuk mewujudkan satu barisan generasi yang terdiri daripada ahli sukan berwibawa dan mampu mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

*To further recognise the effort and emphasis accorded by the government towards sports development, the Ministry of Youth and Sports has formulated the **National Sports Policy**, a comprehensive document directed towards the promotion, progression and development of sports in Malaysia.*

*The **National Sports Policy** is the results of a collective effort involving relevant governmental and non-governmental agencies, the private sector, sports, fitness and recreation associations, institutions of higher learning, voluntary organizations and individuals of standing in the area of sports and its promotion.*

In its formulation, the policy takes into account sports performance and achievements over the years. This is to ensure guidelines and proposals are streamlined to ensure systematic growth of sports in Malaysia especially through scientific approaches and efficient dynamic and effective management.

*The **National Sports Policy** effectively underlines the hope and aspiration of the government to create a Malaysian society that is healthy, active and disciplined. It is also the aspiration of the country to produce a new generation of capable athletes to enhance and upgrade the national pride and prestige in the eyes of the world.*

DATO' HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN

A. RASIONAL

1. Dasar Sukan Negara adalah satu dasar sukan untuk semua. Dasar ini merangkumi **sukan prestasi tinggi** dan **sukan untuk semua** dan digubal berlandaskan atas rasional yang mana segala kegiatan itu adalah sebahagian daripada rancangan pembangunan yang diusahakan oleh Kerajaan terhadap seluruh rakyat.. Sukan berhak mendapat pengiktirafan, penghormatan dan penggalakan yang sarna sebagaimana juga yang diberikan kepada keperluan asasi sosial yang lain seperti pendidikan, pengangkutan, perumahan dan perkhidmatan kesihatan supaya membolehkan kerajaan mencapai pembangunan negara, perpaduan dan kestabilan yang berterusan.
2. Sukan yang menyumbang kepada penggalakan pertandingan yang sihat, muhibah, toleransi, kesefahaman dan pembinaan kualiti moral dan fizikal memberi satu landasan yang selesa untuk mengintegrasikan pelbagai kumpulan etnik kepada satu bangsa yang bersatupadu serta juga untuk pemupukan maruah bangsa dan negara.
3. Tegasnya, sukan mempunyai kesan-kesan manfaat yang amat besar terhadap individu, masyarakat dan seterusnya negara.

High performance sport refers to competitive sports organized in accordance with International Federation and Olympic committee rules and conditions at national or international level; to determine the winners.

Mass Sport (sport for all) refers to sports and physical recreation activities which may be spontaneous or organized aimed at encouraging greater participation rather than for competition at national or international level.




A. RATIONALE

1. The National sports Policy is a sports policy for all. It encompasses both high performance sport and mass sport and has been formulated on the rationale that such activities form an integral part of the overall development efforts of the Government directed towards the entire population. Sport deserves the same recognition, respect and encouragement as are accorded to the other basic social programmes such as education, transport, housing and health services so as to enable the Government to achieve national development, unity and continued stability.
2. Sport, which serves to promote healthy competition, goodwill, tolerance, understanding and the development of physical and moral qualities, provides a conducive platform for integrating the various ethnic groups into a united nation, as well as for enhancing national prestige.
3. Specifically, sport has enormous beneficial effects on the individual, the society and the nation.

High performance sport refers to competitive sports organized in accordance with International Federation and Olympic committee rules and conditions at national or international level; to determine the winners.

Mass Sport (sport for all) refers to sports and physical recreation activities which may be spontaneous or organized aimed at encouraging greater participation rather than for competition at national or international level.



4. Peringkat Individu


- i) Sukan menyumbang kepada :-
 - a) Pembentukan sahsiah, kesedaran diri termasuk semangat pertarungan;
 - b) Peningkatan tahap kesihatan dan kecergasan fizikal;
 - c) Penggunaan masa kesenggangan yang berfaedah dan bermakna;
 - d) Pengurangan tekanan hidup moden;
 - e) Interaksi sosial yang bermakna; dan
 - f) Perkembangan kemahiran-kemahiran asas.

ii) Melalui gaya hidup yang aktif seperti ini seorang individu itu akan lebih sensitif terhadap kesejahteraan dirinya, dalam mana ia memahami sebenarnya akan kenikmatan penglibatannya dan semangat pertarungan. Segala aktiviti ini dilakukannya di dalam environmen dan keupayaannya sarna ada secara individu, di dalam suasana kekeluargaan, di dalam kalangan sahabat handai, didalam kumpulan-kumpulan sukarelawan atau pun di dalam suasana komuniti yang berlainan.



4. At Individual level

- i) Sport contributes to :-
 - a) development of personality and self-realization, including the spirit of competitiveness;
 - b) improvement of physical fitness and health;
 - c) a meaningful and wholesome leisure-time occupation;
 - d) alleviating stress of modern living;
 - e) meaningful social interactions with people; and
 - f) development of basic skills
- ii) Through an active life-style, the individual will become more sensitive to his own well-being, be provided with a true understanding of the joy of effort and the spirit of competitiveness. These activities are pursued within his own environment and resources, either individually, within a family setting, amongst friends, in a voluntary group or in some other community setting.



5. Di Peringkat Masyarakat

- i) Sukan membantu kepada :-
 - a) Penggalakan pembinaan kualiti fizikal dan moral rakyat yang sesuai dengan aspirasi nasional;
 - b) Pewujudan environmen untuk memupuk perhubungan komuniti yang lebih baik di dalam pelbagai kumpulan etnik dalam negara;
 - c) Peningkatan tahap kesihatan komuniti dan produktiviti; dan
 - d) Pencegahan jenayah remaja dengan peluang-peluang penggunaan masa lapang yang memanfaatkan.



6. Di Peringkat Antarabangsa

- i) Sukan membantu :-
 - a) Pencapaian kecemerlangan kepada peringkat yang paling tinggi;
 - b) Peningkatan maruah bangsa; dan
 - c) Pemupukan persahabatan




5. At Society Level

- i) Sport helps to :-
 - a) promote the development of physical and moral qualities relevant to the national aspirations;
 - b) provide an environment for social interaction essential for fostering better community relation amongst the multi-ethnic groups in the country;
 - c) improve community health and productivity, and
 - d) prevent crime and juvenile delinquency by providing useful utilization of leisure hours.


6. At International Level :-

- i) Sports helps to :-
 - a) achieve excellence at the highest level;
 - b) enhance national prestige; and
 - c) foster friendship




B. LATAR BELAKANG

7. Sukan di negara ini secara tradisinya telah dijalankan oleh organisasi sukarelawan yang kebanyakannya bergabung dengan Majlis Olimpik Malaysia. Peranan Kerajaan hanya terhad kepada peranan yang dimainkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia, melalui agensi masing-masing di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah
8. Mutu sukan prestasi tinggi dalam negara ini meningkat sedikit dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini. Namun demikian, peningkatan itu tidaklah seberapa berbanding dengan pembangunan sukan keseluruhannya di peringkat antarabangsa. Akibatnya ahli-ahli sukan kita tidaklah begitu berjaya di pertandingan tersebut.. Ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti kekurangan rancangan pembangunan menyeluruh bagi ahli-ahli sukan, kekurangan pendekatan saintifik dalam latihan, kekurangan jurulatih-jurulatih dan pegawai-pegawai sukan yang bertauliah, kurang komitmen oleh ahli-ahli sukan, kurangnya kemudahan-kemudahan yang menghadkan peluang penyertaan dalam sukan, kelemahan pengurusan dalam badan sukan dan organisasi-organisasi yang berkaitan, pembatasan kewangan dan prioriti yang rendah yang diberikan oleh Kerajaan kepada bidang sukan.
9. Sehingga baru-baru ini, kebanyakan aktiviti-aktiviti sukan dijalankan berasaskan kepada pertandingan. Penyertaan massa dalam sukan adalah satu fenomena baru dalam negara ini. Trend ini adalah satu petanda baik bagi negara.



B. BACKGROUND

7. Sport in this country has traditionally been undertaken by voluntary organizations many of which are affiliated to the Olympic Council of Malaysia. The Government's role has been confined to those carried out by the Ministry of Youth and Sports, the National Sports Council and the Malaysian Schools Sports Council through their respective machinery at federal, state and district levels.
8. The standard of high performance sport in the country has improved marginally over the past years. However, such improvements are inadequate compared to the overall development of sport at international level. Consequently, our sportspersons have not been very successful at such competitions. This could be attributed to a number of factors such as lack of overall development planning for sportspersons, lack of scientific approach in training, lack of qualified coaches and sports personnel, lack of commitment by sportspersons, lack of facilities which restrict opportunities of participation in sport, organizational weaknesses in sports bodies and related organizations, financial constraints and inadequate priority given to sport by the government.
9. Until recently most of the sports activities were carried out on competitive basis. Mass participation in sport is a relatively recent phenomenon in the country. This trend augurs well for the country.



C. OBJEKTIF

10. Adapun tujuan Dasar Sukan Negara ini adalah untuk membentuk satu masyarakat yang aktif, sihat dan cergas melalui aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi fizikal sejajar dengan usaha-usaha keseluruhan Kerajaan dalam pembangunan negara. Objektif-objektif utama adalah seperti berikut :-

- i) Untuk membentuk sebuah masyarakat yang sihat, berdisiplin dan bersatupadu melalui penyertaan yang lebih luas dan peluang-peluang yang lebih baik dalam sukan di semua peringkat masyarakat..
- ii) Untuk menyediakan peluang-peluang dan kemudahan-kemudahan bagi memenuhi keperluan asasi sosial, psikologi dan fisiologi bagi individu melalui sukan;
- iii) Untuk membangun dan meningkatkan pengetahuan dan amalan sukan bagi kepentingan kebajikan sosial seseorang individu dan kenikmatan kesengangan di kalangan orang awam; dan
- iv) Untuk mencapai kecemerlangan ke tahap tertinggi sekali, dengan semangat kesukanan yang tulen di pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan juga dengan harapan mempertingkatkan lagi muhibah dan imej negara.

D. STRATEGI DAN PELAKSANAAN

11. Kedua-dua bidang sukan iaitu sukan massa dan sukan prestasi tinggi, hendaklah dibangunkan serentak walaupun dengan penekanan yang berlainan. Sukan massa adalah bertujuan untuk membolehkan rakyat mengamalkan gaya hidup yang aktif dan sihat. Sukan prestasi tinggi sebaliknya adalah memberi peluang kepada mereka yang berpotensi untuk membuktikan keunggulan mereka di pertandingan peringkat antarabangsa supaya meninggikan lagi maruah negara.




C. OBJECTIVE

10. The aim of the National Sports Policy is to develop an active, healthy and fit society through sports and physical recreational activities in line with the overall efforts of the government in nation building. The main objectives are as follows :-

- i) to develop a healthy, disciplined and united society through greater participation and better opportunities in sport by all levels of society;
- ii) to provide opportunities and facilities for the fulfillment of basic social, psychological and physiological needs of individuals through sport;
- iii) to develop and improve the knowledge and practice of sport in the interest of social welfare of the individual and the enjoyment of leisure among the public at large; and
- iv) to achieve excellence at the highest level, in the true spirit of sportsmanship, at national and international levels of competition and also with a view towards enhancing national image and goodwill.

D. STRATEGY AND IMPLEMENTATION

11. Both mass sport and high performance sport are to be developed simultaneously, though with different emphases. Mass sport is aimed at enabling people to live an active and healthy life-style. High performance sport, on the other hand, provides opportunities for those with potential to excel at international competitions so as to enhance further national prestige.



12. Sukan massa dan sukan prestasi tinggi adalah pelengkap di antara satu sama lain, sebagai satu struktur yang berterusan (continuum). Pelaksanaan strategi ini melibatkan pihak-pihak awam, sukarela dan swasta bekerjasama sebagai satu kumpulan bagi faedah ahli-ahli sukan dan masyarakat keseluruhannya.
13. Bagi mencapai objektif-objektif di atas, prioritas hendaklah diberi kepada aspek-aspek berikut :-

i) Perancangan

a) Adalah sangat diperlukan satu program jangka panjang dengan struktur yang baik untuk pembangunan ahli-ahli sukan, jurulatih-jurulatih, pentadbir-pentadbir dan pegawai-pegawai sukan; dan

b) Dalam kes sukan prestasi tinggi, pertimbangan yang khusus perlu diberi kepada jenis-jenis sukan yang lebih maju dari aspek kemudahan dan penyertaan yang sedia ada dan jenis-jenis sukan yang lebih sesuai kepada bentuk fizikal rakyat Malaysia, agar membolehkan mereka mendapat peluang yang lebih baik bagi mencapai kecemerlangan di pertandingan peringkat antara bangsa.



12. Mass sport and high performance sport complement each other as a continuum. The implementation of this strategy involves the participation of the public, voluntary and commercial sectors working in unison for the benefit of sportspersons and members of the community.
13. In order to achieve the above objectives, priority is given to the following aspects :-

i) Planning

a) There is a need for a long term programme for the development of sportspersons, coaches, sports administrators and officials.

b) In the case of high performance sport, special consideration be given to the types of sport which are better developed, in terms of the availability of facilities and participation, and those which are more suited to the physical endowment of Malaysians, in order to enable them to have a better chance to excel at international competitions.



iii) Organisasi

a) Pelbagai badan sukan hendaklah bekerjasama dengan lebih erat lagi dengan Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membangunkan sukan dalam negara. Sungguhpun pelbagai agensi dan organisasi itu mempunyai peranan yang khusus tetapi program yang dijalankan tidaklah bersepadu. Satu jentera penyelaras yang menyeluruh dalam bentuk jawatankuasa tetap adalah perlu bagi menentukan perhubungan (rapport) yang lebih rapat di kalangan organisasi - organisasi tersebut. Majlis Sukan Negara akan menyediakan jentera ini bagi sukan prestasi tinggi. Begitu juga Kementerian Belia dan Sukan hendaklah mewujudkan satu jentera yang sama untuk menyelaraskan program sukan massa. Ini akan membantu mengadakan kerjasama yang lebih berkesan dan berkekalan di antara pelbagai agensi Kerajaan dan organisasi sukarelawan.

b) Kementerian Belia dan Sukan akan menggalakkan sukan massa dan aktiviti-aktiviti rekreasi yang berlandaskan kepada konsep 'MALAYSIA CERGAS'.⁽²⁾

c) Tugas utama bagi Majlis Sukan Negara ialah untuk membantu dan menyelaras pembangunan sukan untuk peningkatan prestasi ahli-ahli sukan dalam pertandingan-pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"MALAYSIA CERGAS" adalah berdasarkan kepada konsep Sukan Untuk Semua, dalam mana rakyat digalakkan untuk mengamalkan gaya hidup yang aktif melalui penyertaan dalam aktiviti-aktiviti sukan rekreasi fizikal untuk kecergasan fizikal dan kesihatan mental, serta peningkatan produktiviti dan mengukuhkan perhubungan sosial antara kumpulan etnik.



iii) Organization

a) *The various sports bodies should work in unison with the Federal and State Governments to develop sport in the country. Although the various agencies and organizations have specific roles to play, their programmes are not integrated. There is a need for an overall coordinating machinery in the form of a standing committee to ensure greater rapport among these organizations. The National Sports Council will serve to provide this machinery for high performance sport. Similarly, a machinery for coordinating mass sports programmes should be set up in the Ministry of Youth and Sports for this purpose. This will help to foster permanent and effective cooperation between the various government agencies and voluntary organizations.*

b) *The Ministry of Youth and Sports will promote mass sport and recreational activities based on the "Malaysia Cergas" concept.⁽²⁾*

c) *The primary function of the National Sports Council is to coordinate and assist in the development of sport in order to enhance the performance of sports persons at national and international competitions.*

"MALAYSIA CERGAS" is based on the Sport For All concept in which the people are encouraged to live an active life-style by participating in sports and physical fitness and mental health in order to increase productivity and to strengthen the social inter-ethnic relations.




d) Kementerian Pendidikan akan memperuntukkan masa yang cukup untuk pendidikan jasmani bagi semua penuntut, serta membangun dan menyelaraskan aktiviti sukan di sekolah-sekolah termasuklah pembinaan kualiti kepimpinan dalam sukan dan pendidikan jasmani dengan kerjasama dan sokongan Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan. Kementerian Pendidikan juga adalah bertanggungjawab melatih guru-guru yang berkebolehan mengajar pendidikan jasmani.

e) Kementerian Pendidikan hendaklah menggalakkan sukan secara aktif di maktab-maktab dan di politeknik-politeknik, manakala Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia pula akan menggalakkan aktiviti tersebut di institusi-institusi pengajian tinggi.

f) Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kerajaan (MAKSAK) hendaklah menggalakkan dan menyelaraskan semua aktiviti sukan di dalam pelbagai perkhidmatan awam.

g) Majlis Olimpik Malaysia sebagai satu badan induk kepada semua persatuan sukan kebangsaan, akan mempunyai tanggungjawab utama untuk menggalakkan tujuan pergerakan Olimpik dan juga untuk bekerja rapat dengan Majlis Sukan Negara dalam hal pemilihan dan latihan ahli-ahli sukan untuk pertandingan antarabangsa yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa; dan




d) *The Ministry of Education will provide adequate time for physical education for all pupils as well as develop and coordinate sports activities in schools including the development of leadership qualities in sports and physical education with the cooperation and assistance of the Ministry of Youth and Sports, the National Sports Council and the National Sports Associations. The Ministry should also be responsible to train teachers with ability to teach physical education.*

e) *The Ministry of Education should actively promote sport at the various colleges and polytechnics while the Malaysian Universities Sports Council will promote such activities at the institutions of higher learning.*

f) *The Malaysian Government Services Welfare and Recreation Council (MAKSAK) should encourage and coordinate all sports activities in the various public services.*

g) *The Olympic Council of Malaysia, which is the umbrella body for all national sports associations, will have the primary responsibility to promote the aims of the Olympic Movement and to work closely with the National Sports Council in the selection and training of sportspersons in respect of international competitions recognized by the International Olympic Committee.*



h) Peranan badan-badan pengawal sukan kebangsaan adalah menggalak, membangun dan memberikan peluang-peluang untuk penyertaan dan pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi jenis-jenis sukan yang berkenaan dengan kerjasama Majlis Sukan Negara dan Agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan

iii) **Personel**

Personel yang bertauliah dan berpengalaman hendaklah dilantik bekerja di semua peringkat, dalam organisasi-organisasi sukan, tempat kerja, sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi, bagi merancang, melaksana dan menilai program-program sukan dalam negara.

iv) **Kewangan**

a) Satu Yayasan Sukan Kebangsaan hendaklah diwujudkan bagi membiayai kegiatan-kegiatan sukan prestasi tinggi dan sukan massa, di seluruh negara. Sumber-sumber kewangan untuk Yayasan itu adalah dari Kerajaan Persekutuan dan semua Kerajaan Negeri, sektor perdagangan dan pihak individu;

b) Begitulah juga sektor swasta dan dermawan-dermawan hendaklah digalakkan menubuhkan yayasan-yayasan sukan dan menaja kegiatan-kegiatan sukan;



h) *The role of the national sports governing bodies is to promote, develop and provide opportunities for participation and competition at national and international levels for that particular sport in conjunction with the National Sports Council and other relevant Government agencies.*


iii) **Personnel**

Professional and qualified personnel should be employed at all levels in sports organizations, work-places, school and institutions of higher learning, to plan, implement and evaluate sports programmes in the country!


iv) **Funding**

a) *A National Sports Foundation should be set up to finance sports activities, both for high performance sport and mass sport, throughout the country. The financial sources for the Foundation will be from federal and all State governments, the commercial sector and individuals.*


b) *Similarly, the private sector and philanthropists should be encouraged to set up sports foundations and sponsor sporting activities.*



- c) Semua sumbangan kepada Yayasan hendaklah dikecualikan dari cukai; dan
- d) Persatuan-persatuan sukan hendaklah mempertingkatkan strategi pemasaran aktiviti-aktiviti mereka supaya membolehkan mereka mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh.
- v) Insentif
 - a) Bagi menghargai segala pengorbanan dan sumbangan oleh ahli-ahli sukan, Kerajaan telah mengadakan pelbagai insentif. Insentif ini merangkumi penganugerahan, cuti, elaun-elaun hidup, pertandingan insuran, perbelanjaan untuk latihan, yuran pendidikan dan biasiswa-biasiswa. Insentif-insentif yang diberikan kepada ahli-ahli sukan adalah untuk membolehkan mereka meningkatkan kehandalan fizikal mereka ke prestasi kecemerlangan yang paling tinggi di pertandingan peringkat antarabangsa hendaklah dikekalkan dan diperbaiki dari masa ke semasa. Profesionalisme hendaklah juga digalakkan.
 - b) Calon-calon yang mempunyai kehandalan dalam bidang sukan hendaklah diberi pertimbangan istimewa di dalam pengambilan untuk pekerjaan dan untuk kemasukan ke institusi-institusi pengajian tinggi dengan syarat mereka mempunyai kelayakan akademik yang minimum yang disyaratkan dalam disiplin yang dipohon oleh mereka; dan
 - c) Pengiktirafan dan insentif yang sewajarnya hendaklah diberi kepada pegawai-pegawai sukan dan ahli-ahli sukan yang telah mewakili negara.




- c) *All contributions to these foundations should be tax-exempted.*
- d) *The various sports associations should improve the marketing strategy of their activities in order to enable them to be financially independent.*
- v) *Incentives*
 - a) *In appreciation of the sacrifices and contributions made by sportspersons, the Government has introduced various incentives. These incentives include awards, leave, living allowances, insurance coverage, training expenses, tuition fees and scholarships. The incentives given to sportspersons to enable them to develop further their physical prowess for excellent performances up to the highest level of international competitions should be retained and improved upon from time to time.*
 - b) *Candidates who excel in sport should be given special consideration in recruitment for jobs and for admission into institutions of higher learning, provided they possess the required minimum academic standards in disciplines suitable to them.*
 - c) *Appropriate recognition and incentives should also be accorded to sports officials and sportspersons who have represented the country.*



vi) Kemudahan

- a) Satu rangka tindakan 20 tahun (blueprint) berkenaan kemudahan-kemudahan sukan berasaskan kepada strategi untuk kedua-dua bidang sukan prestasi tinggi dan sukan massa, untuk semua lapisan komuniti termasuk orang-orang cacat, hendaklah disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan selepas berunding dengan agensi-agensi yang berkenaan dan juga persatuan-persatuan sukan;
- b) Kementerian Belia dan Sukan hendaklah menyelaras perancangan dan pengagihan kemudahan-kemudahan utama sukan;
- c) Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing adalah bertanggungjawab bagi merancang kemudahan-kemudahan sukan di peringkat negeri dan daerah. Rasional yang memerlukan perancangan kemudahan-kemudahan sukan di peringkat negeri ini adalah bagi mencapai satu pengagihan kemudahan-kemudahan yang lebih seimbang di kawasan bandar dan luar bandar. Objektif pengagihan semula ialah bagi membolehkan mereka yang kurang bernasib baik, yang memerlukan kemudahan sukan dan perkhidmatan yang lebih dari yang lain tetapi yang kurang sekali membuat desakan, mendapatkan peluang menggunakan kemudahan-kemudahan sukan di darat dan di air;




vi) Facilities


- a) *A 20 year-blueprint in respect of sports facilities based on the strategy to have both high performance sport and mass sport for all strata of the community, including the disabled, be drawn up by the Ministry of Youth and Sports in consultation with the relevant agencies and sports associations.*
- b) *The Ministry of Youth and Sports is to coordinate planning and distribution of major sports facilities.*
- c) *The respective State Governments are responsible for planning sports facilities at state and district levels. The rationale on the need for planning of sports facilities at the state level is to achieve more balanced distribution of such facilities in both urban and rural areas. This redistributive objective is to enable the disadvantaged and the disable groups, who need sports facilities and services more than most but may make the least demand to have access to sports opportunities in both land and water.*



- d) Pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi menyediakan Pelan-pelan Pembangunan Bandar-bandar Baru, Pembangunan Desa dan Tata atur Perumahan hendaklah merangkumi kemudahan-kemudahan sukan dalam pelan-pelan mereka bagi mematuhi piawaian-piawaian dan spesifikasi-spesifikasi yang ditentukan oleh Kementerian Belia dan Sukan;
- e) Pihak berkuasa tempatan adalah digalakkan untuk membangunkan kemudahan-kemudahan sukan;
- f) Peruntukan mengenai kemudahan-kemudahan sukan hendaklah dipertimbangkan sebagai sebahagian yang melengkapkan skim-skim perumahan. Untuk membolehkan pengusaha-pengusaha menyediakan tanah untuk kemudahan-kemudahan sukan, pihak berkuasa hendaklah memberi pertimbangan mengurangkan bayaran ubah syarat tanah untuk skim-skim perumahan dan/atau memberi insentif-insentif lain;
- g) Semua kemudahan-kemudahan sukan awam hendaklah diselenggarakan dengan baik dan diperlengkapkan dengan sewajarnya. Kemudahan-kemudahan sukan ini hendaklah dibuka kepada penggunaan semua ahli sukan dan orang ramai bagi memastikan penggunaan optimum; dan



- d) *The authorities responsible for the preparation of Urban Development Plans, New Town Plans, Village Development Plans, and Housing Layout Plans should incorporate sports facilities in their plans to conform to standards and specifications agreed to by the Ministry of Youth and Sports.*
- e) *The local authorities should be encouraged to develop sports facilities.*
- f) *The provision of sports facilities should be considered as an integral part of housing schemes. In order to enable the developers to provide land for sports facilities, the authorities should consider reducing the conversion fees of land for housing schemes and/ or provide other incentives.*
- g) *All public sports facilities should be well-maintained and appropriately equipped. These facilities must be made accessible to all sportspersons and the masses to ensure optimal utilization.*




h) Sektor-sektor perdagangan dan sukarela adalah diharapkan bagi melengkapi usaha-usaha Kerajaan dalam pembinaan kemudahan-kemudahan sukan. Pengswastaan kemudahan-kemudahan sukan adalah juga digalakkan.

vii) Am

a) Cukai-cukai dan eksais yang ada sekarang atas alat-alat sukan hendaklah dikurangkan supaya ianya boleh dibeli dengan harga yang lebih murah bagi menggalakkan penyertaan yang lebih luas dalam bidang sukan. Pengusaha-pengusaha tempatan digalakkan mengeluarkan alat-alat tersebut;

b) Bagi menyebarkan kesefahaman antarabangsa, dan juga untuk faedah ahli-ahli sukan serta penggalakan pelancongan, badan-badan pengawal sukan peringkat kebangsaan digalakkan menjadi tuan rumah kepada pertandingan-pertandingan antarabangsa.

c) Penggalakan dan pendidikan (untuk orang awam) dalam bidang sukan hendaklah diuruskan dengan kerjasama media massa dan pelbagai organisasi yang terlibat dalam pembangunan sukan supaya dapat menanamkan sikap positif terhadap sukan;



h) *The voluntary and commercial sectors are expected to complement the efforts of the Government in the provision of sports facilities. Privatisation of sports facilities should also be encouraged.*

vii) *General*


a) *Existing duties and excise on sports goods should be reduced in order to make such goods available at lower prices and thus encourage greater participation in sport. Local entrepreneurs should be encouraged to produce such goods.*

b) *In order to spread international goodwill, as well as to benefit sportspersons and to promote tourism, the national sports governing bodies are encouraged to host international competitions.*

c) *Sports promotion and education (of the public) will be conducted through collaboration with the mass media and the various organization involved in sports development in order to inculcate a positive attitude towards sport.*



- d) Sukan yang disifatkan sebagai satu manifestasi budaya rakyat hendaklah diberikan status yang sama seperti seni lukis, muzik, drama dan kesusasteraan yang diiktiraf sebagai disiplin akademik di universiti. Dengan hal yang demikian, institusi-institusi pengajian tinggi hendaklah memperuntukkan pengajian pendidikan jasmani yang merangkumi sukan, sebagai satu disiplin akademik;
- e) Institut Sukan Negara yang sekarang ini sedang dibina patutlah menjalankan penyelidikan sains yang ada hubungkait dengan negara ini, memberi latihan kepada ahli-ahli sukan, jurulatih-jurulatih, pentadbir-pentadbir sukan dan lain-lain personel yang berkaitan serta berfungsi sebagai pusat sumber sukan; dan
- f) Setengah-setengah sekolah akan ditauliahkan sebagai pusat kecemerlangan untuk menggalakkan jenis-jenis sukan yang tertentu.



- d) *Sport, which is considered as a cultural mode of expression of the people, should be accorded similar status as art, music, drama and literature as an academic discipline in the university. The institutions of higher learning should, therefore, make provision for the study of physical education as an academic discipline.*
- e) *The National Sports Institute which is being set up should undertake research on sports sciences relevant to this country and train sportspersons, coaches, sports administrators and other related sports personnel and to serve as a sports resource center:*
- f) *Some schools will be designated as centers of excellence for the promotion of certain sports.*



